

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: Lisan**

**DARIPADA : Tuan Hasan bin Arifin [ Rompin ]**

**TARIKH : 26 November 2015**

**SOALAN : Tuan Hasan bin Arifin minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan kesan Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) kepada sektor pertanian negara ini kerana menerusi perjanjian ini produk daripada Amerika akan menjadi sangat murah apabila dipasarkan ke dalam negara disebabkan sektor pertanian mereka menerima subsidi yang sangat tinggi berbanding negara kita.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), Malaysia telah berjaya mendapat pakej akses pasaran yang baik bagi produk pertanian. Ini termasuklah penghapusan duti ke atas komoditi eksport yang penting bagi Malaysia seperti minyak kelapa sawit dan produk agro-makanan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, produk perikanan, daging ternakan dan telur ayam, serta makanan yang diproses.

Pada tahun 2014, Malaysia mengimport sebanyak RM52.3 bilion produk pertanian daripada Amerika Syarikat. Jumlah ini hanyalah mewakili 7.66% daripada jumlah import produk pertanian negara. Negara-negara sumber import utama Malaysia adalah Republik Rakyat China yang mewakili 16.91% daripada jumlah import negara dan diikuti oleh Singapura (12.55%) dan Jepun (8.01%).

Pandangan bahawa produk pertanian yang diimport dari Amerika Syarikat akan menjadi sangat murah selepas TPPA ditandatangani ekoran pemberian subsidi yang tinggi oleh sektor pertanian di negara tersebut sebenarnya adalah kurang tepat. TPPA tidak membenarkan mana-mana negara ahli mengenakan subsidi eksport kepada produk pertanian yang dieksport ke negara TPPA lain. Disiplin ini akan mengelakkan

negara TPPA menggunakan subsidi ekspor yang boleh memanipulasi harga produk pertanian di pasaran global. Selain itu, dalam Perjanjian Pertanian di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) juga, negara anggota WTO telah digesa untuk menghapuskan subsidi ekspor bagi barangan pertanian.